

# **Penerbitan dalam Bahasa Cina di Malaysia: Masa Kini, Kesukaran dan Masa Depan**

**Chen Lin Loong**

## **Mukadimah**

Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum. Berdasarkan Banci Penduduk 2000, jumlah penduduk negara sebanyak 23 750 000 orang, antaranya 11 680 000 atau 53.4% orang Melayu, 5 690 000 atau 26% orang Cina, 1 680 000 atau 7.7% orang India, bumiputera yang lain (bukan Melayu) sejumlah 2 570 000 orang atau 11.7%, lain-lain kaum 270 000 orang atau 1.2%.

Berdasarkan statistik Unit Perancangan Ekonomi Malaysia pada tahun 2005, daripada jumlah penduduk negara, kaum lelaki menduduki 51.3% manakala kaum perempuan sebanyak 48.7%. Purata jangka hayat lelaki ialah 70.6 tahun, perempuan pula 76.4 tahun. Pengiraan mengikut peringkat umur, kategori 0-14 tahun menduduki 32.6%, 15-64 tahun menduduki 63.1%, kategori 65 tahun dan ke atas menduduki 4.3%.

Berdasarkan statistik Jabatan Perancangan Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk negara mencecah 26 750 000 orang pada tahun 2005, antaranya 63% terdiri dari warga bandar manakala 27% merupakan warga luar bandar. Purata pendapatan per kapita sebanyak US\$3880, nisbah pendapatan penduduk bandar dan luar bandar ialah 2.11:1.

Dalam kalangan penduduk Malaysia, 92.2% kaum lelaki dan 88% kaum perempuan dianggap celik huruf. Namun, kadar celik huruf ini dihitung mengikut piawai yang longgar, iaitu mereka tidak semestinya memiliki keupayaan membaca yang sepuh.

Setiap kaum di Malaysia bebas menggunakan bahasa ibunda masing-masing dan terdapat juga sekolah rendah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar utama. Namun, demi pertimbangan intergrasi nasional dan faktor politik, pihak kerajaan sesungguhnya memberi perhatian dan peruntukan yang lebih kepada Sekolah Kebangsaan berbanding dengan sekolah aliran yang lain.

Berdasarkan maklumat Kementerian Pelajaran pada tahun 2004, terdapat 5 713 buah Sekolah Kebangsaan, 1 288 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan 527 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh negara. Dari segi bilangan pelajar pula, Sekolah Kebangsaan menduduki 76.04% atau 2 240 000 orang, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina 20.93% atau 620 000 orang, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil pula 3.03% atau 90 000 orang. Dalam Rancangan Malaysia ke-8 (Tahun 2001-2005), Sekolah Kebangsaan memperoleh 96.09% daripada jumlah peruntukan pembangunan pendidikan tahunan yang disalurkan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina hanya memperoleh 2.73% manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil diperuntukkan 1.18%.

Di Malaysia, secara umum difahamkan terbitan dalam bahasa Cina rata-rata hanya disantap oleh golongan yang tamat dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (mungkin hampir kesemuanya). Di peringkat sekolah menengah di Malaysia, selain terdapat 60 buah Sekolah Menengah Persendirian yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama, di semua Sekolah Menengah Kebangsaan tajaan kerajaan, bahasa Malaysia pula menjadi bahasa pengantar utama (kecuali Sains dan Matematik mula diajar dalam bahasa Inggeris mulai tahun 2002). Setiap tahun lebih kurang 100 000 orang pelajar tamat dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Daripada jumlah tersebut, hanya 10% pelajar menjadikan Sekolah Menengah Persendirian sebagai pilihan dan 90% yang lain pula melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan.

Hanya sebilangan sahaja pelajar lepasan SJKC akan terus memilih mata pelajaran bahasa Cina setelah memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan. (Secara umum, hanya 3 waktu kelas ibunda seminggu). Di institut pengajian tinggi pula, hanya beberapa buah kolej swasta menggunakan bahasa Cina dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama, yang lainnya semuanya menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama. Di bawah pengaruh dasar dan struktur pendidikan sebegini, orang Cina di Malaysia dikatakan secara umum sanggup 'menguasai' ketiga-tiga jenis bahasa (bahasa Cina, bahasa Malaysia, bahasa Inggeris). Namun, pada hakikatnya keupayaan membaca dan mengarang dalam bahasa Cina secara relatif tidak semahir dengan warga negara China, Hong Kong dan Taiwan.

Budaya membaca yang kurang berkembang turut melembapkan perkembangan bidang penerbitan di Malaysia. Berdasarkan kajian dan pensampelan (6 441 orang) yang dilakukan oleh Perpustakaan Negara dan Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2005, dalam kalangan rakyat yang berumur 10 tahun ke atas, 98.8% cuma membaca dua buah buku dan ke atas setiap tahun, 56% membaca 4-10 buah buku setiap tahun, manakala pembaca yang membaca 12 buah buku dan ke atas setiap tahun hanya 33%.

### **Penerbitan dalam Bahasa Cina di Malaysia: Statistik**

Berdasarkan maklumat Perpustakaan Negara dan Jabatan Perangkaan Negara, pada tahun 2006, penerbit pelbagai bahasa telah memohon nombor ISBN untuk 18 262 buah buku termasuk buku rujukan dan buku sekolah. Penerbitan yang terlaksana dijangka cuma mencapai 90%. Antara jumlah tersebut, 11 332 buah atau 62.05% buku bahasa Malaysia, 5 773 buah atau 31.61% buku bahasa Inggeris dan hanya 1 067 buah atau 5.84% buku bahasa Cina, manakala 50 buah atau 0.27% buku bahasa Tamil, buku lain-lain bahasa sebanyak 40 buah atau 0.22%.

<b>Bahasa</b>	<b>Bahasa Malaysia</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Cina</b>	<b>Bahasa Tamil</b>	<b>Lain-lain</b>
<b>Bilangan</b>	11 332	5 773	1 067	50	40
<b>Peratus</b>	62.05%	31.61%	5.84%	0.27%	0.22%

Statistik Buku Terbitan Pelbagai Bahasa di Malaysia Pada Tahun 2006

Sumber: Perpustakaan Negara dan Jabatan Perangkaan Negara

Jumlah: 18 262 termasuk buku teks dan buku rujukan sekolah

Jika dikelaskan berdasarkan isi kandungan, di antara 1 067 buah buku bahasa Cina, buku kerja sekolah dan buku kanak-kanak menduduki 70% (748 buah), 90 buah atau 8.43% buku sejarah, 79 buah atau 7.4% buku kesusasteraan, 25 buah buku feng syui, 17 buah buku kesihatan, 2 buah buku komik, buku-buku jenis lain pula 106 buah atau 9.93%.

Jenis Buku	Novel	Cerpen	Puisi Baru	Sejarah	Feng syui	Kesihatan	Komik	Kanak-kanak	Rujukan	Lain-lain
<b>Bil</b>	51	22	6	90	25	17	2	725	23	106
<b>%</b>	4.78	2.06	0.56	8.43	2.34	1.59	0.19	67.95	2.26	9.93

Statistik Buku Terbitan dalam Bahasa Cina Mengikut Kelas Pada Tahun 2006

Sumber: Perpustakaan Negara dan Jabatan Perangkaan Negara

Jumlah: 1 067 termasuk buku teks dan buku rujukan sekolah

Berdasarkan carta 10 judul bahasa Cina (jenis kesusasteraan) terlaris yang disediakan oleh kedai buku berangkat terbesar, Popular Book Co. (M) Sdn. Bhd., pada tahun 2006, 5 buah buku yang tersenarai itu terbitan negara China, 4 buah terbitan Malaysia dan sebuah lagi terbitan Taiwan. Dari 10 judul terpilih ini, sebanyak 6 buah buku terjemahan luar negara, 3 buah buku daripada pengarang laris Taiwan dan sebuah lagi hasil pengarang Malaysia.

Senarai ini menunjukkan bahawa novel terjemahan penerbit China telah menguasai pasaran Malaysia. Walaupun novel terbitan Taiwan yang berkualiti dan mahal harganya masih diminati pembaca, namun sudah tidak dapat menandingi kehebatan buku dari negara China. Jurang harga buku dan polisi amalan kedai buku merupakan faktor utama membawa kepada fenomena sedemikian. Pembaca buku dalam tulisan bahasa Cina 'Fan Ti' semakin hari semakin berkurangan ekoran daripada pelancaran tulisan bahasa Cina 'Jian Ti' oleh kebanyakan negara di dunia, termasuk Malaysia sejak tahun 80-an.

Atas dorongan liputan publisiti eksklusif oleh media massa bahasa Cina perdana tempatan, beberapa orang pengarang Taiwan popular seperti Zhang Man-juan, Long Ying-tai, Liu Yong, Wu Ruo-quan dan Wu Dan-ru pada satu ketika dulu pernah berjaya memikat golongan peminat buku yang agak besar bilangannya.

Mengimbas kembali buku terbitan kesusasteraan bahasa Cina di Malaysia pada tahun 2006, 'The Grand Overland Voyage' merupakan satu-satunya buku yang telah mengkagumkan semua pihak. Pengarang buku ini telah menjelajah sebanyak 18 buah negara dalam masa 22 bulan. Sepanjang penjelajahan, beliau telah menulis segala yang dilihat dan difikirkannya, disertakan dengan gambar menarik lalu disiarkan melalui akhbar bahasa Cina yang terbesar di Malaysia 'Sin Chew Daily', kemudiannya

diterbitkan oleh Novum Organum Publishing House (M) Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat penerbitan di bawah kumpulan syarikat Popular Book Co. (M) Sdn. Bhd. Tulisan pengarang, gambar dan reka imej yang menarik serta usaha promosi intensif oleh kedai buku utama dan sokongan padu akhbar menyumbang kepada kelarisan buku ini dengan mencecah jualan sebanyak 4 ribu buah dalam setengah tahun.

Dalam kategori buku bukan sastera pula, di antara 10 buah judul terlaris Popolar Books, 4 buah buku ialah terbitan tempatan, 4 buah buku terbitan Taiwan, negara China dan Hong Kong masing-masing sebuah buku. Pada kesimpulannya, buku ekonomi, feng syui, kesihatan, motivasi, termasuk buku resipi dan buku tilik nasib yang tidak tersenarai dalam carta jualan 2006, merupakan jenis buku yang terlaris di pasaran.

Dari segi pengarang pula, 3 buah buku daripada pengarang tempatan, 5 buah buku daripada pengarang Taiwan, pengarang dari negara China dan Hong Kong masing-masing sebuah buku. Di sini tokoh yang harus diberi perhatian ialah ahli feng syui tempatan yang terkenal, Lilian Too. Nama beliau semakin popular menerusi pengaruh siaran televisyen dan bukunya laris di pasaran sememangnya dalam jangkaan. Akan tetapi, kedua-dua buah buku ini yang asalnya ditulis dalam bahasa Inggeris seharusnya edisi asalnya lebih laris daripada edisi bahasa Cina.

## **Syarikat Penerbitan yang Aktif dan Kegiatan Penerbitannya**

### **\* Pendidikan Kanak-kanak**

**Gemilang Publishing Sdn. Bhd.** ditubuhkan pada tahun 2000. Bahan bacaan terbitan syarikat ini berfokus pada bidang pendidikan kanak-kanak. Dengan isi kandungan yang tersendiri dan pendekatan melariskan buku menerusi saluran sekolah, syarikat ini telah tampak sebagai sebuah syarikat penerbitan yang berkualiti dalam masa yang singkat. Fokus keluaran Gemilang Publishing Sdn. Bhd. ialah buku akademik sekolah menengah dan sekolah rendah. Keluaran buku jenis ini mencakupi 70% daripada jumlah hasil jualan syarikat. Buku-buku lain termasuk 10% buku teks dan 20% bahan bacaan kanak-kanak dan majalah. Setiap tahun, Gemilang Publishing Sdn. Bhd. menerbitkan lebih kurang 200 tajuk baru.

**Odonata Publishing Sdn. Bhd.** ditubuhkan pada tahun 1999. Pengarahnya, Koh Ewe Pin ialah penulis terkenal di Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman sebagai pengarang dan penulis buku teks, kemudian baru menceburi bidang penerbitan buku kanak-kanak. Syarikatnya tidak besar skilnya, sememangnya tidak begitu mudah untuk bersaing dengan syarikat penerbitan lain yang besar, tetapi beliau telah mencurahkan sepenuh usahanya agar dapat menghasilkan buku yang bermutu dan berjenama. Dengan kegigihan sebegini, syarikat beliau berdaya mendahului syarikat-syarikat lain. Menurut beliau, peluang menerbitkan buku teks pada awal kariernya telah banyak memberikan dorongan kepada syarikat penerbitannya.

### \* **Buku Audio**

**37.2shop** ditubuhkan pada tahun 1998. Pada peringkat awal penubuhannya, syarikat ini sekadar menerbitkan buku sahaja, tetapi kini giat menceburi pasaran buku audio. Mereka merakamkan pelbagai judul karya kesusasteraan China dengan kaedah bercerita dan menyanyi dalam koleksi CD. Tumpuan utama produk mereka ialah pasaran murid-murid sekolah rendah.

### \* **Kesusasteraan dan Kesenian**

**Got One Publisher** ditubuhkan pada tahun 2003. Kebanyakan ahlinya merupakan pemuda-pemudi yang meminati kesusasteraan Mahua dan berbakat dalam bidang penulisan dan kesenian. Mereka terdiri daripada golongan penulis, penyajak dan pengarah filem. Syarikat ini berpegang kuat pada prinsip menerbitkan buku berkualiti. Bukan sahaja isi kandungan, bahkan reka bentuk atau kertas yang digunakan untuk mencetak buku, cara cetakan, kesemua aspek kualiti dititik berat oleh penerbit berkenaan. Oleh itu, bahan bacaan terbitan syarikat ini sering mendapat pujian dan sambutan baik daripada pembaca.

Selain menerbit dan mengeluarkan judul buku kesusasteraan dan kesenian, syarikat ini juga mengendalikan laman weblognya sendiri (<http://gotonemag.com>). Laman weblog ini menjadi tempat pertemuan bagi pertukaran fikiran dan pendapat dalam kalangan penulis dan pembaca serta menjadi platform bagi menambahkan pengetahuan.

### \* **Sains Sosial**

Syarikat Prometheus Enterprise (M) Sdn Bhd ditubuhkan pada tahun 2001. Bahan terbitan syarikat ini pada umumnya mendapat pujian baik dalam kalangan cendekiawan. Tetapi disebabkan pembaca umum tidak begitu berminat dalam isu sains sosial, maka buku-buku terbitannya tidak begitu mendapat sambutan. Saluran utama jualan bukunya melalui rangkaian kedai buku, cara lain termasuk melalui aktiviti promosi dan ejen-ejen buku.

### \* **Buku Bergambar dan Komik Hitam Putih**

Syarikat penerbitan yang mengeluarkan buku-buku jenis ini biasanya diusahakan oleh orang perseorangan. Tokoh penerbitan mereka dijadikan tempat kerja dan juga tempat penginapan. Kerja menghasilkan karya, mereka bentuk atau merancang pasaran, kesemuanya dikendalikan oleh pengusaha sendiri.

**Ping Ton Creative Centre** ditubuhkan pada tahun 2002. Fokus keluaran syarikat ini ialah komik hitam putih bertemakan alam persekolahan. Syarikat penerbitan ini menerbitkan lebih kurang tiga buah buku baru dalam setahun. Tumpuan pasaran utama keluaran syarikat ini ialah pelajar sekolah menengah. Dengan isi kandungan yang lucu,

buku-buku komiknya mendapat sambutan yang menggalakkan. Komik syarikat penerbitan ini merupakan buku laris sepanjang masa. Dengan cetakan pertama sebanyak 2 000 naskhah, jumlah jualan bukunya boleh mencecah lima belas ribu naskhah.

**Dejourney Connection Sdn. Bhd.** ditubuhkan pada tahun 2005. Bahan bacaan terbitan syarikat ini ialah buku bergambar, tumpuan utama produknya ialah pelajar-pelajar kolej. Pengarangnya, Lim Heng Swee, seorang jurutera lepasan UPM mencuba menarik perhatian pembaca dengan isi kandungan yang berunsurkan ciri-ciri tempatan.

Beliau juga mengeluarkan produk cenderamata seperti payung, cawan, poster dan kemeja-T. Beliau tidak optimis terhadap perkembangan industri penerbitan di Malaysia. Pada pendapat beliau, pembaca di Malaysia cuma membeli buku jika adanya diskaun. Tambahan lagi, pihak berkuasa memberi kebebasan penuh mengimport buku dari luar negara, terutamanya negara China, yang mana buku-buku keluaran negara-negara ini jauh lebih murah berbanding dengan buku keluaran tempatan.

Penjualan buku bergambar dan komik amat bergantung pada kedai buku. Lebih 80% daripada jualan buku-buku jenis ini dilaksana menerusi kedai buku. Pembaca-pembaca di Malaysia biasanya pasif, oleh itu publisiti melalui surat khabar dan majalah adalah amat penting.

Selain itu, jual-beli hak cipta juga merupakan satu jalan keluar. Misalnya, komik Heng Teik Chee pernah diterbitkan di negara China, manakala hak cipta buku bergambar Lim Heng Swee pula pernah dijual ke negara Korea. Sambutan pembaca luar negara terhadap buku-buku ini masih tidak dapat dijangka, memandangkan isi kandungan dan minda penulis amat jelas memperlihatkan unsur-unsur tempatan.

#### **\* Bahan-bahan Rujukan Umum**

Selama ini, bahan-bahan rujukan umum mendapat sambutan baik daripada pembaca. Kini, buku masakan, buku bertemakan feng syui memenuhi pasaran. Memandangkan kualiti penulis dan penyunting tempatan masih kurang matang, kebanyakan bahan-bahan rujukan di kedai buku perlu diimport terus dari luar negara. Bahan-bahan rujukan umum mempunyai nilai pasaran yang tinggi, oleh itu banyak penerbit tempatan berlumba-lumba mengeluarkan buku jenis ini. Misalnya, Popular Book Co. (M) Sdn. Bhd. telah mengeluarkan buku-buku masakan, ahli-ahli feng syui tempatan yang terkenal masing-masing turut menerbitkan karya sendiri, semuanya mendapat pulangan yang agak memuaskan.

#### **\* Multi-Terbitan**

**Mentor Publishing Sdn. Bhd.** ditubuhkan pada tahun 1999. Bahan bacaan terbitan syarikat ini mempamerkan unsur-unsur tempatan. Setiap tahun, syarikat ini akan mengeluarkan sebanyak 24-30 judul buku dengan isi kandungan yang berbeza-beza,

antaranya ialah bidang ekonomi, sastera, siri sekolah dan lain-lain. Pengarah Mentor Publishing Sdn. Bhd., Poh Seng Titt, bekas guru sekolah dan penyair kesusasteraan mahua yang terkemuka ini mengeluarkan buku yang mempunyai potensi pasaran, kemudian menggunakan keuntungan yang diperolehnya untuk menerbitkan buku-buku yang kurang mendapat sambutan tetapi amat penting dan bermakna mengikut kaca mata beliau. Dengan amalan strategi sebegini, beliau dapat mencapai keseimbangan di antara realiti dan impian. Poh Seng Titt menekankan bahawa tidak kira sama ada sesebuah buku itu mempunyai pasaran atau tidak, setiap penerbit perlu menghasilkan buku tersebut dengan sepenuh hati.

#### **\* Lain-lain**

Selain jenis-jenis syarikat penerbitan yang dibincangkan di atas, Malaysia juga mempunyai banyak penerbit di bawah naungan syarikat surat khabar, agensi pendidikan, persatuan dan lain-lain. Contohnya, Pusat Koleksi Kesusasteraan Mahua di Kolej Selatan, Johor Bahru. Disebabkan ruangan yang terbatas, di sini tidak disenaraikan kesemua syarikat penerbitan berkenaan.

### **Masalah-masalah Penerbitan dalam Bahasa Cina**

#### **Masalah Dalaman**

Penerbitan dalam bahasa Cina di Malaysia masih belum mencapai tahap profesional yang diharap-harapkan, baik dari segi penulisan, penyuntingan, percetakan, mahupun pemasaran.

Walaupun buku yang diterbitkan agak pelbagai, tetapi penulisan yang kurang berkualiti mengakibatkan kuantiti penerbitannya masih pada tahap rendah. Pembaca tempatan telah biasa dengan bahan bacaan dari luar dan bertanggapan bahawa terbitan-terbitan tersebut lebih berkualiti berbanding dengan terbitan tempatan. Kekurangan penterjemah pakar dan pasaran yang terhad mengakibatkan sesetengah jenis terbitan tertentu seperti jenis falsafah luar negara, kritikan sastera, ekonomi dan novel terjemahan amat bergantung kepada bahan import dari negara China dan Taiwan. Di samping itu, terdapat individu dan penerbit yang menerbitkan buku untuk keuntungan atau motif tertentu sahaja. Penerbitan 'vanity publishing' sebegini hanya sia-sia dan tidak bermanfaat kepada penerbit tempatan untuk membentuk identiti tersendiri.

Dalam aspek penyuntingan, penerbitan buku bahasa Cina baik dari segi perancangan, penyuntingan, rekaan kulit buku dan atur huruf masih pada tahap yang kurang mantap. Editor masih cenderung ke atas kerja-kerja atur huruf dan pembacaan pruf, tetapi kurang melibatkan diri dalam perancangan penerbitan sesebuah buku mahupun memberi bimbingan kepada penulis.

Dalam aspek penerbitan, kebanyakan kilang percetakan tempatan masih kurang maju dari segi teknikal dan juga kelengkapan. Kilang-kilang tersebut masih kurang

berkemampuan untuk memenuhi permintaan yang semakin hari semakin meningkat. Memandangkan kebanyakan penerbit tempatan tidak mengutamakan kualiti kertas, para penjual kertas tempatan biasanya tidak mahu mengambil risiko untuk mengimport dan menyimpan stok kertas berkualiti tinggi. Keadaan ini menyulitkan sesetengah penerbit tempatan yang ingin menerbitkan buku dengan kertas berkualiti tinggi. Kualiti cetakan yang rendah merupakan salah satu faktor terbitan tempatan diabaikan pembaca tempatan, di samping faktor kandungannya yang kurang menarik.

Dalam aspek pemasaran, penerbit tempatan terlalu bergantung kepada Popular Book Co. (M) Sdn. Bhd. yang mempunyai lebih kurang 55 buah cawangan di seluruh Malaysia pada ketika ini. Popular Book Co. (M) Sdn. Bhd lebih cenderung membeli hak cipta buku kanak-kanak dan buku-buku yang sangat laris dari luar negara. Terbitan-terbitan ini dipamerkan di sudut yang paling ketara di setiap cawangan. Secara tidak langsung, terbitan tempatan dipinggirkan di sudut yang kurang mendapat perhatian. Di samping itu, tindakan Popular Book Co. (M) Sdn. Bhd. menganjurkan pameran buku gergasi untuk mempromosikan buku-buku dari negara China dan Taiwan dengan harga yang murah telah mengurangkan minat pembaca tempatan terhadap terbitan tempatan.

## **Masalah Luaran**

Sesungguhnya, Kerajaan Malaysia lebih memberikan pelbagai bantuan dan galakan kepada penerbit-penerbit buku bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Sementara itu, penerbit-penerbit buku bahasa Cina kurang berminat untuk menyertai persatuan-persatuan penerbit yang mempunyai kewibawaan dalam perkembangan penerbitan tempatan seperti Malaysia Publisher's Association dan juga tidak dianggotai di MBKM. Ketidaktifan ini mengakibatkan mereka kehilangan peluang untuk menyuarakan masalah-masalah masing-masing.

Media massa bahasa Cina tempatan perdana pula lebih meminati penulis-penulis negara China, Hong Kong dan Taiwan. Pelbagai ceramah dan aktiviti promosi dianjurkan bersama dengan kedai-kedai buku utama untuk mempromosikan penulis-penulis dari luar. Akhbar Cina tempatan juga lebih kerap melaporkan berita dan terbitan penulis luar. Walaupun keadaan ini beransur-ansur diperbaiki, namun sokongan kepada penulis dan terbitan tempatan masih jauh ketinggalan.

Perkembangan media massa elektronik dan bahan bacaan elektronik di Malaysia masih kurang mantap. Penerbit-penerbit buku bahasa Cina juga kurang mengambil berat terhadap urusan niaga secara elektronik. Mengikut hasil soal selidik Perpustakaan Negara Malaysia, 40% pembaca tempatan berminat terhadap media elektronik, berbanding dengan hanya 22.3% pembaca yang berminat terhadap media cetak. Pembacaan dan tabiat perbelanjaan secara elektronik pasti akan menjadi satu cabaran hebat terhadap industri penerbitan buku bahasa Cina di Malaysia.



## **Masa Depan Penerbitan dalam Bahasa Cina & Kesimpulan**

Penguasaan terhadap latar belakang dan cita rasa pembaca tempatan merupakan satu-satunya kelebihan kepada penerbit tempatan. Justeru, pelbagai jenis buku yang berpotensi seperti feng syui, ekonomi, buku resipi, komik, buku bergambar, pelancongan, bahan rujukan, kesihatan, motivasi dan bacaan umum harus dititikberatkan dan dipergiatkan demi memajukan industri penerbitan dalam bahasa Cina di Malaysia. Kerjasama antara para penerbit, kedai buku dan media massa, khususnya dari segi taktik pemasaran pasti dapat melahirkan penulis-penulis tempatan yang popular.

Penterjemahan buku bahasa Cina kepada bahasa Malaysia (khususnya komik) merupakan satu jalan keluar untuk industri penerbitan bahasa Cina di Malaysia. Penjualan hak cipta ke luar negara atau pembelian hak cipta buku-buku terjemahan yang laris dari luar negara tidak semudah yang difikirkan dan dikatakan, tetapi harus juga diusahakan. Kerajaan Indonesia telah membenarkan pengajaran dan pembacaan bahasa Cina di negara tersebut, banyak penerbit tempatan kini sedang meninjau dan mencari peluang untuk memasuki pasaran buku bahasa Cina kanak-kanak, malah buku bahasa Indonesia di negara itu. Tambahan pula, bilangan pembaca bahasa Cina di Vietnam, Thailand dan Kampuchea dijangka bertambah pada masa akan datang. Perkembangan positif ini mungkin akan memesatkan perkembangan industri penerbitan dalam bahasa Cina di Malaysia. Akan tetapi kini masih terlalu awal untuk kita membuat sebarang kesimpulan tentang masa depannya.

Kini, penerbit-penerbit buku bahasa Cina tempatan harus menumpukan usaha untuk menyelesaikan masalah diri sendiri. Terdapat pihak dalam industri buku bahasa Cina mengesyorkan supaya ditubuhkan Persatuan Penerbit-penerbit Bahasa Cina Malaysia. Usaha penubuhan persatuan tersebut diharapkan boleh menggembeleng tenaga para penerbit untuk menganjurkan komunikasi dan interaksi antara media massa, kedai buku, pengusaha kertas dan kilang percetakan malah menyatupadukan sumber dan saluran pemasaran, serta menganjurkan pameran buku yang dikelola bersama oleh penerbit di seluruh negara. Walaupun kurang optimis tentang masa depannya, barangkali daya usaha itu masih dapat mendatangkan kesan positif terhadap perkembangan penerbitan dalam bahasa Cina di Malaysia.

(Artikel ini dipetik daripada kertas kerja asal dalam bahasa Cina yang dibentangkan di atas Forum Pembacaan Bahasa Cina di Asia Tenggara di Pameran Buku Antarabangsa Taipei 2007. Teks terjemahan ini mendapat kelulusan dan pemurnian penulis)